

27/03/2001

Fadzil akui pernah nafi Amanat Haji Hadi

KUALA LUMPUR, Isnin - Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, hari ini mengakui yang beliau pernah membuat penafian mengenai Amanat Haji Hadi yang mengatakan `mengundi Pas masuk syurga'.

Bagaimanapun, katanya, beliau merasakan tidak perlu baginya mengulangi penafiannya itu sekali lagi sebagaimana yang diminta Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Saya dah buat penafian itu, tidak perlu lagi saya membuatnya sekali lagi," katanya ketika dihubungi di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Najib yang meminta Fadzil menolak Amanat Haji Hadi yang dikeluarkan pada 1981 berikutan penafiannya berhubung slogan `jika mengundi Pas masuk syurga'.

Najib dilaporkan berkata, Fadzil perlu mengumumkan secara rasmi kepada semua ahli Pas mengenai penafiannya itu kerana pengikut parti pembangkang itu, pada peringkat akar umbi, masih memegang kepada amanat berkenaan.

Fadzil berkata, jika Amanat Haji Hadi menyalahi hukum Islam, pihak ulama yang sepatutnya mengeluarkan sesuatu kenyataan mengenainya.

"Namun, setakat ini tak ada pihak yang boleh pertikaikan amanat itu dari segi hukumnya dalam Islam," katanya.

Pada masa yang sama, Fadzil mendakwa apa yang dinyatakan Haji Hadi adalah sesuatu `kebebasan bersuara' yang tidak boleh dihalang atau disekat.

Sementara itu, Fadzil menyambut baik perutusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Maal Hijrah 1422 yang menyatakan umat Islam perlu mengetepikan fahaman politik dan merapatkan barisan bagi mempertahankan kepentingan agama.

"Memang kita sentiasa mengajak umat Islam untuk bersatu di bawah panji-panji Islam. Itu adalah sesuatu yang mesti dilakukan umat Islam," katanya.

(END)